

BAHAGIAN A

Setiap item, dari SOALAN 1 hingga SOALAN 23, diberikan empat pilihan. Hanya satu daripada empat pilihan itu yang betul. Lorek jawapan yang betul dan tulis angka jawapan kamu dalam kertas OAS yang disediakan.

IMBUHAN (20 markah)

Arahan : Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

<p>Sains dan Matematik merupakan dua mata pelajaran yang sangat penting. Pelajar perlu memperoleh (1) _____ dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut sekiranya ingin (2) _____ pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, terutamanya dalam bidang kejuruteraan, perubatan dan (3) _____ perniagaan.</p> <p>Sesetengah pelajar masih mengalami masalah dalam Sains dan Matematik. Faktor sukar (4) _____ konsep dan soalan ialah alasan yang sering diberikan oleh pelajar.</p> <p>(5) _____ juga segelintir pelajar yang kurang memberi (6) _____ kepada guru. Kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar ialah mereka cuba (7) _____ fakta dan formula yang terdapat dalam buku teks tanpa (8) _____ untuk mengertinya. Seharusnya, pelajar perlu (9) _____ masa yang lebih untuk menelaah apa yang telah diajar. Nota panduan yang disediakan guru perlu (10) _____ oleh pelajar. Dengan cara ini, pencapaian pelajar dalam Matematik dan Sains dapat dipertingkatkan.</p>	<table><tr><td>1</td><td>(1) dipuji (3) memuji</td><td>(2) kepujian (4) pujian</td></tr><tr><td>2</td><td>(1) berlanjutan (3) kelanjutan</td><td>(2) dilanjutkan (4) melanjutkan</td></tr><tr><td>3</td><td>(1) berurusan (3) pengurusan</td><td>(2) mengurus (4) terurus</td></tr><tr><td>4</td><td>(1) difahami (3) memahamkan</td><td>(2) memahami (4) pemahaman</td></tr><tr><td>5</td><td>(1) Dapatan (3) Pendapat</td><td>(2) Mendapat (4) Terdapat</td></tr><tr><td>6</td><td>(1) menumpukan (3) tertumpu</td><td>(2) pertumpuan (4) tumpuan</td></tr><tr><td>7</td><td>(1) dihafal (3) menghafal</td><td>(2) hafalan (4) penghafalan</td></tr><tr><td>8</td><td>(1) berusaha (3) pengusaha</td><td>(2) diusahakan (4) usahakan</td></tr><tr><td>9</td><td>(1) keluangan (3) meluang</td><td>(2) luangkan (4) terluang</td></tr><tr><td>10</td><td>(1) diteliti (3) meneliti</td><td>(2) ketelitian (4) penelitian</td></tr></table>	1	(1) dipuji (3) memuji	(2) kepujian (4) pujian	2	(1) berlanjutan (3) kelanjutan	(2) dilanjutkan (4) melanjutkan	3	(1) berurusan (3) pengurusan	(2) mengurus (4) terurus	4	(1) difahami (3) memahamkan	(2) memahami (4) pemahaman	5	(1) Dapatan (3) Pendapat	(2) Mendapat (4) Terdapat	6	(1) menumpukan (3) tertumpu	(2) pertumpuan (4) tumpuan	7	(1) dihafal (3) menghafal	(2) hafalan (4) penghafalan	8	(1) berusaha (3) pengusaha	(2) diusahakan (4) usahakan	9	(1) keluangan (3) meluang	(2) luangkan (4) terluang	10	(1) diteliti (3) meneliti	(2) ketelitian (4) penelitian
1	(1) dipuji (3) memuji	(2) kepujian (4) pujian																													
2	(1) berlanjutan (3) kelanjutan	(2) dilanjutkan (4) melanjutkan																													
3	(1) berurusan (3) pengurusan	(2) mengurus (4) terurus																													
4	(1) difahami (3) memahamkan	(2) memahami (4) pemahaman																													
5	(1) Dapatan (3) Pendapat	(2) Mendapat (4) Terdapat																													
6	(1) menumpukan (3) tertumpu	(2) pertumpuan (4) tumpuan																													
7	(1) dihafal (3) menghafal	(2) hafalan (4) penghafalan																													
8	(1) berusaha (3) pengusaha	(2) diusahakan (4) usahakan																													
9	(1) keluangan (3) meluang	(2) luangkan (4) terluang																													
10	(1) diteliti (3) meneliti	(2) ketelitian (4) penelitian																													

(lihat halaman sebelah) ↩

PERIBAHASA (10 markah)

Arahan : Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini.

<p>Lawatan ke pusat jagaan kanak-kanak kurang upaya di Johor telah memberikan kesan yang mendalam kepada saya. Sebaik sahaja melangkah masuk ke pusat jagaan itu, saya dan rakan-rakan berasa terharu apabila melihat kanak-kanak itu mengalami kesukaran bergerak dan bertutur dengan sempurna. Mereka kelihatan sangat gembira apabila kami menghulurkan beberapa (11) <u>barang yang dibawa sebagai hadiah</u>. Walaupun mereka sukar melayan kami, mereka tetap (12) <u>menerima kedatangan kami dengan gembira</u>. Saya telah merakamkan detik-detik lawatan itu.</p> <p>Saya seronok melihat pelbagai karenah kanak-kanak yang (13) <u>diam-diam ubi</u> itu. Pelbagai kraf tangan yang dihasilkan oleh mereka telah dipamerkan. Mereka telah mencipta kraf tangan tersebut umpama (14) <u>sehari selembat benang-benang, lama-lama menjadi kain</u>. Saya berasa sungguh kagum dengan ketabahan dan ketekunan kanak-kanak itu. Mereka tidak (15) <u>melakukan kerja yang sia-sia</u>.</p> <p>Selepas pulang dari lawatan itu, saya terus mencatatkan ke dalam diari pengalaman yang tidak dapat saya lupakan.</p>	<p>11 (1) hati emas (2) tanda mata (3) buah tangan (4) muka tembok</p> <p>12 (1) baik budi (2) ambil berat (3) lapang dada (4) tangan terbuka</p> <p>13 (1) pendiam tetapi rajin (2) pendiam tetapi berfikir (3) pendiam tetapi bekerja keras (4) pendiam tetapi berkeyakinan</p> <p>14 (1) jika teliti dan kemas membuat sesuatu pekerjaan, akhirnya akan berjaya juga (2) jika tekun dan sabar membuat sesuatu pekerjaan, akhirnya akan berjaya juga (3) jika bersungguh-sungguh membuat sesuatu pekerjaan, akhirnya akan berjaya juga (4) jika selalu cepat dan kemas membuat sesuatu pekerjaan, akhirnya akan berjaya juga</p> <p>15 (1) seperti garam jatuh ke air (2) seperti kacang lupakan kulit (3) bagai menghitung bulu kambing (4) seperti katak di bawah tempurung</p> <p>(lihat halaman sebelah) ↩</p>
--	---

KEFAHAMAN (8 markah)

Arahan: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Persekitaran Singapura yang serba maju dan moden dipenuhi bangunan-bangunan pencakar langit yang berkelengkapan canggih. Walaupun pelbagai aktiviti pembangunan sedang giat berlaku di negara ini, sebahagiannya dijadikan kawasan untuk mengekalkan alam semula jadi yang pernah dan masih wujud. Salah satu kawasan itu ialah hutan di Bukit Timah. Hutan Simpanan Bukit Timah merupakan hutan simpanan yang terbesar dan pertama di Singapura. Hutan tersebut menjadi sumber tanaman untuk kajian bidang botani. Kawasan itu juga menempatkan tanaman yang sudah tumbuh lebih seratus tahun.

Para pelawat ke Hutan Simpanan Bukit Timah boleh meneroka kawasan itu dengan memilih salah satu jejak yang paling sesuai mengikut kemampuan mereka. Terdapat empat jejak yang ditandakan dalam peta kawasan hutan itu. Jangka masa yang dianggarkan untuk menyelesaikan setiap jejak berbeza. Salah satu jejak menghendaki pelawat menggunakan beberapa buah tangga yang merentasi hutan. Pelawat juga boleh memilih jejak yang meliputi jalan raya yang landai atau curam. Pelawat yang gemar berbasikal boleh memilih untuk merentas jejak sepanjang enam kilometer.

Hutan Simpanan Bukit Timah telah dicalonkan sebagai salah satu taman warisan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) pada tahun 2011. Pencalonan itu telah diluluskan secara rasmi pada 18 haribulan Oktober 2011.

Para pelawat yang mahu merentasi Hutan Simpanan Bukit Timah akan digalakkan melawat pusat pelawat. Di situ terdapat sebuah pameran kecil yang memberi informasi tentang flora dan fauna di Bukit Timah. Pusat pelawat itu dibuka dari pukul 8:30 pagi hingga 6:00 petang.

(Sumber Petikan : *Majalah Riang Ria*, 2005)

(lihat halaman sebelah) ↪

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

16 Aktiviti pembangunan di kawasan hutan di Bukit Timah tidak dilaksanakan kerana _____.

- (1) hutan itu adalah yang pertama dan terbesar
- (2) persekitaran Singapura sudah serba maju dan moden
- (3) mahu mengekalkan kewujudan alam semula jadi di Singapura
- (4) terdapat bangunan-bangunan tinggi yang berkelengkapan canggih

17 Keseronokan meneroka Hutan Simpanan Bukit Timah dapat dirasai oleh para pelawat apabila mereka dapat _____.

- (1) menaiki tangga yang merentasi hutan
- (2) melihat peta kawasan hutan yang telah ditandakan
- (3) menempuh hutan mengikut masa dan kebolehan diri sendiri
- (4) menunggang basikal lasak di jejak sepanjang enam kilometer

18 Maklumat mengenai hidup-hidupan di Hutan Simpanan Bukit Timah boleh diperolehi dengan _____.

- (1) mengunjungi pusat pelawat
- (2) membuat kajian bidang botani
- (3) menghabiskan masa di kaki Bukit Timah
- (4) menyelesaikan kesemua empat jejak yang ada

19 Perkataan **kemampuan** dalam petikan bermaksud _____.

- (1) kelebihan
- (2) kesediaan
- (3) ketahanan
- (4) keupayaan

(lihat halaman sebelah) ↪

RANGSANGAN GRAFIK (8 markah)


Arahan : Teliti brosur yang berikut.

Yok, ke Kota Salji!

Bersama Kelab Masyarakat Sengkang



Tarikh : 8 Disember 2014
Masa : 9 pagi hingga 10 malam
Tempat: Kota Salji di Jurong



Tempat Berkumpul
Gelanggang bola keranjang di Kelab Masyarakat Sengkang pada pukul 8 pagi


Anda berpeluang meluncur gelanggang ais bersama keluarga dan artis-artis Singapura seperti Najib Khan. Jangan lepaskan peluang makan tengah hari bersama Penghibur Nombor Satu Asia, Taufek Bandana.

Yuran Pendaftaran

Dewasa : \$25 (Ahli) & \$28 (Bukan Ahli)
Kanak-kanak: \$16 (Ahli) & \$19 (Bukan Ahli)

Yuran termasuk:

- Khidmat pengangkutan ulang alik ke Kota Salji
- Penyewaan jaket dan sepatu untuk meluncur selama 2 jam
- Makanan tengah hari
- Tiket masuk ke Kota Salji




- Semua pengunjung diingatkan supaya mengenakan seluar panjang dan stoking.
- Jangan memakai skirt atau seluar pendek.
- Peserta akan diberikan sepasang sarung tangan secara percuma!

Nikmati suasana dingin di dalam bilik salji!
(suhu -10°C)

Perhatian!

Kanak-kanak di bawah umur 5 tahun tidak dibenarkan memasuki bilik salji



Istimewa!

Diskaun 20% bagi pembelian 5 tiket atau lebih

TURUT MENYOKONG SYARIKAT PELANGI

KELAB MASYARAKAT SENKANG
HUBUNGI TALIAN: 68383838
ISNIN – JUMAAT : 9 PAGI – 5 PETANG.
SABTU, AHAD DAN CUTI UMUM : 9 PAGI – 1 PETANG
Hubungi Puan Rosnah, pegawai pemasaran kami untuk keterangan lanjut.

(lihat halaman sebelah) ↩

Arahan: Berdasarkan brosur di halaman 6, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

20 Penganjur wisata ke Kota Salji ialah _____.

- (1) Najib Khan
- (2) Puan Rosnah
- (3) Syarikat Pelangi
- (4) Kelab Masyarakat Sengkang

21 Setiap peserta yang telah membayar yuran pendaftaran akan diberikan _____.

- (1) jaket, sepatu dan makanan
- (2) potongan harga tiket sebanyak 20 peratus
- (3) sepasang sarung tangan dan stoking percuma
- (4) makanan tengah hari dan pengangkutan ulang-alik

22 Manfaat yang boleh diraih daripada aktiviti meluncur di gelanggang ais ialah _____.

- (1) semua tiket ke Kota Salji dapat dijual
- (2) bilik salji dapat diteroka selama satu jam
- (3) hubungan kekeluargaan dapat dieratkan
- (4) sesi menjamu selera bersama artis-artis Singapura

23 Kanak-kanak di bawah 5 tahun tidak dibenarkan masuk ke dalam bilik salji kerana _____.

- (1) bilik itu terlalu sejuk
- (2) mereka bukan ahli kelab
- (3) mereka tidak memakai sarung tangan
- (4) bilik itu ditutup dari pukul 9 pagi hingga 5 petang

BAHAGIAN B

Dari SOALAN 24 hingga SOALAN 41, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di Kertas Soalan ini.

GOLONGAN KATA (16 markah)

Arahan : **Isi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini dengan sepatah perkataan yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.**

bahkan	bermati-matian	bersungguh-sungguh
ditanyakan	gelagat	malah
markah	membuktikan	mengesahkan
perlakuan	tajam	walaupun

Zulkifli seorang murid yang agak lemah dalam pelajaran. Dia sering mendapat **(24)** _____ yang rendah terutama dalam mata pelajaran Matematik. Zulkifli sering disisihkan rakan-rakan sekelas yang lebih bijak daripadanya. **(25)**

_____, mereka tidak suka berbincang tentang pelajaran dengannya. **(26)**
_____, mereka selalu menyindir Zulkifli kerana kelemahannya itu.

Zulkifli bersabar menghadapi **(27)** _____ kawan-kawannya. Jauh di lubuk hatinya tersemat suatu tekad. Dia mahu **(28)** _____ bahawa belakang parang sekalipun, kalau diasah akan **(29)** _____ juga. Sejak hari itu, Zulkifli belajar **(30)** _____. Apa sahaja yang tidak dia mengerti, akan **(31)** _____ kepada guru tanpa segan silu. Dia juga mengulang kaji pelajaran secara konsisten.

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

(lihat halaman sebelah) ↗

FRASA (8 markah)

Arahan : **Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.**

- (1) amat jelas dan lancar
- (2) rajin berlatih bersama guru
- (3) untuk mempelajari Bahasa Melayu
- (4) mengulang kaji tatabahasa di rumah**
- (5) ketekunan kamu menjadi pilihan para pengadil
- (6) kamu berjaya mengalahkan saya dan peserta-peserta lain

- Sulaiman** : Tahniah,Siva, kerana kamu berjaya dalam pertandingan bercerita itu.
- Siva** : Terima kasih, Sulaiman. Saya berasa bangga. Saya berharap kejayaan ini akan menaikkan semangat pelajar-pelajar bukan Melayu yang lain seperti saya **(32)** _____.
- Sulaiman** : Saya kagum melihat kamu bercerita pada hari ini. Setiap perkataan yang kamu ucapkan **(33)** _____. Bagaimanakah cara kamu mempelajari Bahasa Melayu ?
- Siva** : Keluarga saya menggalakkan saya membaca buku-buku bahasa Melayu. Di samping itu, saya **(34)** _____. Sebagai contoh, saya selalu membuka kamus untuk mempelajari ejaan dan makna kata-kata yang saya baca. Saya melatih diri saya menggunakan bahasa baku apabila membaca atau bercakap.
- Sulaiman** : Kalau begitu, tidak hairanlah saya apabila **(35)** _____. Saya malu,Siva. Selama ini, saya menganggap Bahasa Melayu sebagai bahasa yang mudah kerana itu ialah bahasa ibunda saya. Rupa-rupanya, saya silap.
- Siva** : Baguslah,Sulaiman,kalau kamu sudah sedar. Sama-samalah kita belajar menguasai Bahasa Melayu dengan lebih cekap.

Markah yang diperolehi	
------------------------	--

(lihat halaman sebelah) ↗

KEFAHAMAN 2 (20 markah)

Arahan : **Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.**

Sekolah saya mempunyai sebuah padang yang luas. Setiap hari, padang ini digunakan untuk latihan pendidikan jasmani pada waktu pagi atau kegiatan kokurikulum pada waktu petang. Namun, suasana padang itu berubah apabila sekolah saya, Sekolah Harmoni, mengadakan perlawanan bola sepak persahabatan dengan Sekolah Cempaka pada petang itu. Sebuah karnival telah diadakan untuk menyemarakkan lagi perlawanan bola sepak yang akan **berlangsung**.

Sebelum perlawanan bermula, murid-murid dan ibu bapa mula berkumpul di sekeliling padang sekolah. Pengetua sekolah saya dan beberapa orang guru sedang sibuk **menyambut** kedatangan para tetamu yang menghampiri tempat-tempat duduk yang hampir penuh. Saya berkesempatan merakamkan perkara-perkara yang saya lihat pada hari itu. Walaupun tidak dapat menyertai perlawanan pada hari itu, saya tidak terkilang. Saya akan menghasilkan sebuah laporan untuk dikongsi dengan rakan-rakan sekolah yang lain dalam penghimpunan sekolah. Saya telah dikecualikan daripada perlawanan itu kerana kerap tidak menghadiri sesi latihan bola sepak.

“Saya berharap **kedua-dua sekolah dapat menunjukkan semangat kesukanan**. Teruskan usaha berjuang demi mengharumkan nama sekolah,” ujar pengetua Sekolah Harmoni sebelum merasmikan perlawanan itu.

Tidak lama kemudian, orang ramai bangun dan bertepuk tangan sebaik sahaja melihat kelibat kedua-dua pasukan bola sepak masuk ke padang. Perlawanan bola sepak itu cukup sengit. Tepukan dan sorakan jelas kedengaran. Para pemain menunjukkan aksi yang sungguh hebat kerana kedua-dua pasukan bola sepak ini merupakan **juara** dan naib juara bagi perlawanan bola sepak antara sekolah-sekolah rendah pada tahun lepas. Setiap pemain bekerjasama untuk memasukkan bola ke dalam gawang. Perlawanan itu berakhir apabila pengadil meniupkan wisel penamat. Walaupun pemain-pemain Sekolah Cempaka kelihatan sedih, mereka berjabat tangan sambil mengucapkan tahniah kepada pemain-pemain sekolah saya sebelum keluar padang.

Kini, semangat saya kembali berkobar-kobar untuk cuba mewakili sekolah dalam perlawanan bola sepak akan datang.

“Aku berjanji akan lebih berdisiplin pada kali ini,” bisik hati saya ketika meninggalkan padang itu.

(lihat halaman sebelah) ↗

Arahan : Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

36 Apakah aktiviti yang selalu diadakan di padang sekolah penulis? (2 markah)

37 Mengapakah karnival sekolah turut diadakan pada hari tersebut? (2 markah)

38 Penulis telah melibatkan diri dalam acara sekolah secara tidak langsung. Berikan dua bukti. (4 markah)

39 “. . . kedua-dua sekolah dapat menunjukkan semangat kesukanan.” Berikan contoh-contoh yang menyokong kata-kata pengetua itu. (4 markah)

(lihat halaman sebelah) ↗

40 Nyatakan dua perkara yang menunjukkan perlawanan bola sepak itu mendapat sambutan yang hangat.

(4 markah)

41(a) Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, berikan maksud perkataan perkataan yang berikut dengan menggunakan tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) berlangsung (1 markah)

(ii) menyambut (1 markah)

(iii) juara (1 markah)

(b) Satu perkataan dalam petikan yang bermaksud **teriakan yang nyaring** ialah _____.

(1 markah)

SELESAI

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

PSLE MOCK MALAY LANGUAGE

KUNCI JAWAPAN

BOOKLET A

Q 1-10	IMBUHAN
1	2 (kepujian)
2	4 (melanjutkan)
3	3 (pengurusan)
4	2 (memahami)
5	4 (Terdapat)
6	4 (tumpuan)
7	3 (menghafal)
8	1 (berusaha)
9	2 (luangkan)
10	1 (diteliti)

Q11-15	PERIBAHASA
11	3
12	4
13	2
14	2
15	3

Q16-19	KEFAHAMAN 1
16	3
17	3
18	1
19	4

Q20-23	RANGSANGAN GRAFIK
20	4
21	4
22	3
23	1

BOOKLET B

Q24-31	GOLONGAN KATA
24	markah
25	Malah
26	bahkan
27	perlakuan
28	membuktikan
29	tajam
30	bersungguh-sungguh
31	ditanyakan

Q32-35	FRASA
32	4
33	1
34	5
35	6

Q36-41	KEFAHAMAN SUBJEKTIF
36	Latihan pendidikan jasmani dan kegiatan kokurikulum yang selalu diadakan di padang sekolah.
37	. . . untuk menyemarakkan lagi perlawanan bola sepak yang akan berlangsung.
38	. . . merakamkan perkara-perkara yang dia lihat pada hari itu dan menghasilkan sebuah laporan untuk dikongsi dengan rakan-rakan sekolah yang lain dalam penghimpunan sekolah.
39	. . . setiap pemain bekerjasama untuk memasukkan bola ke dalam gawang dan pemain-pemain Sekolah Cempaka berjabat tangan sambil mengucapkan tahniah kepada pemain-pemain Sekolah Harmoni sebelum keluar padang.
40	. . . tempat-tempat duduk hampir penuh dan perlawanan bola sepak itu melibatkan juara dan naib juara bagi perlawanan bola sepak antara sekolah-sekolah rendah pada tahun lepas.
41 a (i)	berlaku/ terjadi/ diadakan
(ii)	menerima/ mengalu-alukan/ meraikan
(iii)	pemenang tempat pertama/ johan
b	sorakan



Panduan Menjawab Soalan Kefahaman Subjektif

1	Baca petikan. Fahami petikan itu adalah berkenaan apa (tema utama).
2	Cari petunjuk untuk meneka makna perkataan yang tidak difahami. Cari juga petunjuk dalam ayat-ayat yang sebelum dan selepas adanya perkataan yang tidak difahami itu.
3	Baca soalan tetapi jangan terus menjawab soalan. Kenalpasti kehendak soalan yang diajukan.
4	Cari kunci perkataan yang terdapat dalam soalan. Kemudian, garisi atau serlah kunci perkataan sama yang terdapat dalam soalan dalam petikan.
5	Serlahkan ayat yang mengandungi kunci perkataan itu. Pastikan ayat tersebut juga berkaitan dengan soalan yang diajukan. Tulis semula ayat tersebut dalam bentuk menjawab soalan yang diajukan.
6	Ungkapkan jawapan dengan menggunakan ayat sendiri. Usah ubah makna asal petikan yang diberikan.
7	<p>Bagi soalan 36 – 37:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Soalan yang diajukan berbentuk literal dan dimulai dengan kata tanya ‘Apakah’, ‘ Bagaimanakah’ atau ‘Mengapakah’. • Soalan tersebut tidak memerlukan jawapan yang padat. Biasanya, ia mengandungi hanya satu isi jawapan. • Jawapan yang dicari juga jelas tertera dalam petikan.
8	<p>Bagi soalan 38 – 40 :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Soalan yang diajukan berbentuk inferens, penilaian atau penghayatan. • Soalan seperti ini memerlukan murid untuk berfikir bagi mendapatkan maklumat atau jawapan yang diperlukan. • Isi-isi jawapan tidak hanya tertumpu pada satu-satu perenggan mengikut kronologi (susunan) perenggan dalam petikan. • Murid juga perlu menghubungkan pengalaman atau menggunakan pengetahuan sedia ada untuk mendapatkan maklumat bagi menjawab soalan. • Sebagai contoh, murid-murid perlu memberikan bukti-bukti, meneliti sebab-sebab, memberikan pengajaran atau menyatakan sifat.
9	Pastikan maklumat penting tidak ditinggalkan ketika menjawab soalan.
10	Baca jawapan yang telah ditulis untuk pastikan ia sesuai dan munasabah dengan kehendak soalan. Kalau perlu, baca semula petikan untuk pastikan jawapan yang diberikan tepat.
11	Semak jawapan dan pastikan jawapan yang ditulis lengkap dan sempurna strukturnya. Semak ejaan, tanda baca dan bahasa dalam ayat untuk elak markah dipotong.

Panduan Meneka Makna Untuk Kosa kata - Soalan 41a (i) – (iii)	
1	Camkan golongan kata tersebut. Jika perkataan itu berbentuk kata kerja , maka jawapannya juga haruslah berbentuk kata kerja .
2	Lihat bagaimana perkataan tersebut digunakan dalam ayat. Cari petunjuk untuk meneka makna perkataan yang tidak difahami. Cari juga petunjuk dalam ayat-ayat yang sebelum dan selepas perkataan yang tidak difahami.
3	Jika perkataan tersebut berimbuhan, jawapan yang diberikan juga biasanya berimbuhan yang sama dengan perkataan yang diberikan. Bagaimanapun, hal ini ada pengecualian. Contoh : sinaran – makna perkataan ini ialah cahaya. Jika murid menulis maknanya sebagai ‘cahayaan’, jawapan tersebut adalah salah kerana tidak perkataan ‘cahayaan’ tidak wujud dalam kamus.

Panduan Meneka Makna Untuk Kosa kata - Soalan 41b	
1	Penting untuk murid menulis satu sahaja perkataan bagi menggantikan frasa yang diberikan.
2	Kata ganda dianggap sebagai satu perkataan.
3	Kenalpasti bentuk frasa yang diberikan. Jika frasa itu frasa adjektif maka jawapannya juga kata adjektif (Contoh 1). Jika frasa itu frasa nama, jawapannya juga kata nama (Contoh 2). Contoh 1: tercengang-cengang kehairan – ‘terpinga-pinga’. Contoh 2 : tubuh yang tidak bernyawa lagi – ‘mayat’

Peringatan penting bagi menjawab soalan kosa kata.

Jangan berikan dua jawapan yang memerlukan pemeriksa memilih yang mana satukah jawapan yang lebih tepat. Markah ‘0’ akan diberikan terus bagi jawapan sedemikian.
